




南华中学  
**NAN HUA HIGH SCHOOL**  
**MID-YEAR EXAMINATION 2021**

---

**Subject : Malay Special Programme**  
**Paper : 1133/2**  
**Level : Secondary Four Express**  
**Date : 7 June 2021**  
**Duration : 1 hour 15 minutes**

**ARAHAN UNTUK CALON**

1. Baca arahan yang diberikan bagi tiap-tiap bahagian dengan teliti dan jawab soalan seperti yang diarahkan.
2. Jawab **semua** soalan. Semua jawapan mesti ditulis di dalam tempat kosong yang telah disediakan.



### BAHAGIAN A (10 markah)

**Arahan:** Bagi setiap soalan, terdapat empat patah perkataan yang disenaraikan. Pilih perkataan yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan itu. Tulis huruf jawapan pilihan kamu itu di dalam tanda kurung ( ) yang disediakan.

#### Soalan A1 (5 markah)

<b>Badan Cergas, Otak Cerdas</b>	<b>Edisi Jun 2021</b>
 <p>Semua orang harus menjaga kesihatan. Kesihatan yang optimum memastikan kita (1)_____ badan yang kuat dan tidak mudah terkena penyakit. Semasa berenang, mental, fizikal, semua otot dan tulang (2)_____ untuk membuat satu gerakan yang berkoordinasi antara dua anggota kaki dan dua anggota tangan. (3)_____ itu, berenang merangsang stamina. Perkara ini (4)_____ menjadikan perenang berasa sihat dan bertenaga. Berenang juga memberi peluang bagi manusia untuk menguasai air serta menjadi (5)_____.</p> 	

- |                |              |               |                |     |                |                |               |                  |     |
|----------------|--------------|---------------|----------------|-----|----------------|----------------|---------------|------------------|-----|
| 1 (A) memiliki | (B) membaiki | (C) menyertai | (D) menghadapi | ( ) | 2 (A) tergerak | (B) digerakkan | (C) penggerak | (D) menggerakkan | ( ) |
| 3 (A) selain   | (B) namun    | (C) walaupun  | (D) kemudian   | ( ) | 4 (A) akan     | (B) telah      | (C) harus     | (D) belum        | ( ) |
| 5 (A) tegas    | (B) berani   | (C) garang    | (D) penakut    | ( ) |                |                |               |                  |     |

**Soalan A2 (5 markah)**



Sumbangan para perintis harus terus dihargai oleh rakyat Singapura. Kita mesti tahu sumbangan perintis dalam pembangunan awal Singapura \_\_\_\_**(6)**\_\_\_\_ segi ekonomi, politik dan sosio-budaya. Sebagai contoh, mereka telah \_\_\_\_**(7)**\_\_\_\_ keras untuk meningkatkan ekonomi Singapura sehingga berjaya untuk menarik \_\_\_\_**(8)**\_\_\_\_ syarikat-syarikat antarabangsa yang hebat melabur di negara kita.

Terdapat banyak nilai-nilai murni yang boleh kita contoh daripada mereka. Ini termasuk sifat cekal \_\_\_\_**(9)**\_\_\_\_ cabaran, jangan cepat putus asa, jujur dan berdisiplin. Sebagai anak muda, kita digalakkan untuk terus belajar lebih lanjut tentang para perintis kita yang telah banyak \_\_\_\_**(10)**\_\_\_\_ untuk negara kita. Yang lebih penting, nilai-nilai murni ini masih sangat relevan untuk kita sendiri mengaharungi cabaran pada masa hadapan. Semoga Singapura terus kekal berdaya saing dan maju

- |   |          |   |          |
|---|----------|---|----------|
| <p><b>6</b> (A) di<br/>(B) dari<br/>(C) dalam<br/>(D) daripada</p>                          | (      ) | <p><b>7</b> (A) bekerja<br/>(B) dikerja<br/>(C) pekerja<br/>(D) perkerjaan</p>    | (      ) |
| <p><b>8</b> (A) penjaja<br/>(B) perhatian<br/>(C) pelabuhan<br/>(D) persembahan</p>         | (      ) | <p><b>9</b> (A) melihat<br/>(B) meneliti<br/>(C) meluahkan<br/>(D) menghadapi</p> | (      ) |
| <p><b>10</b> (A) berkorban<br/>(B) dikorbankan<br/>(C) pengorbanan<br/>(D) mengorbankan</p> | (      ) |   |          |

## BAHAGIAN B (10 markah)

**Arahan:** Berdasarkan rangsangan grafik, pilih perkataan yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan itu. Tulis huruf jawapan kamu itu di dalam tanda kurung ( ) yang disediakan.

### Soalan B1 (4 markah)

## Tanam Pokok Sempena Hari Keluarga 2021



Gabungkan perasaan cinta terhadap orang tersayang dengan perasaan cinta terhadap bumi. **Tanamlah sebatang pokok bakau atas nama orang yang tersayang. Ini sesuatu yang amat unik!**

Pastikan hutan di Indonesia tidak akan musnah pada masa akan datang.

Ayah sertailah ratusan penyokong yang sudahpun menanam pokok bakau di Indonesia!

#### Bagi derma sebanyak \$30:

- Sebatang pokok bakau akan ditanam di Indonesia
- Penderma akan menerima gambar sertasijil penghargaan

#### Bagi derma sebanyak \$350:

- Sepuluh batang pokok bakau akan ditanam di Indonesia.
- Penderma akan menerima gambar, klip video, sijil penghargaan dan peta yang menunjukkan lokasi pokok ditanam
- Penderma akan diundang ke sambutan Hari Bumi di Sungai Buloh pada 2 Disember dan beramah mesra dengan duta Hari Bumi, Cik Farah Fauzana.

Sokonglah usaha kami!  
Klik di sini untuk membuat pilihan anda!

\$50

\$350

Sumbangan anda yang berterusan amat penting untuk memastikan sasaran ini dapat dicapai.

Ayah kongsikan usaha murni ini bersama ahli keluarga anda dan rakan-rakan anda dan berikan peluang kepada mereka untuk menyelamatkan bumi!



*Disokong oleh Kelab Alam Nusantara dan Agensi Persekutaran Nusantara.  
Sila hubungi kami di 67833008 atau lungsuri lelaman: [kelabalamnusantara.org](http://kelabalamnusantara.org) untuk maklumat lanjut.*

11 Keistimewaan program yang disokong oleh Kelab Alam Nusantara ialah penderma \_\_\_\_\_.

- (A) boleh menunjukkan rasa cinta terhadap bumi
- (B) boleh menanam pokok atas nama orang yang tersayang
- (C) akan menerima gambar, klip video, sijil penghargaan dan peta
- (D) akan menerima undangan ke sambutan Hari Bumi di Sungai Buloh ( )

12 Untuk memastikan matlamat Kelab Alam Nusantara menjadi satu kenyataan, \_\_\_\_\_.

- (A) ratusan penyokong diperlukan
- (B) pelibatan ahli keluarga digalakkan
- (C) derma yang berterusan diperlukan
- (D) hutan di Indonesia tidak dimusnahkan ( )

**Soalan B2 (6 markah)**

## Pertahanan Digital

Anjuran Kementerian Komunikasi dan Informasi  
Sempena Hari Pertahanan Mutlak

8 Ogos 2021, 10 pagi hingga 12 tengah hari  
Kelab Masyarakat Sengkang  
Bilik Anggerik

**Ayuh, sertai aktiviti-aktiviti khas untuk kanak-kanak dan remaja  
belajar mengenai Pertahanan Digital!**

Ketahui cara-cara untuk menyumbang kepada pertahan digital melalui persembahan drama dan aktiviti-aktiviti menarik. Setiap orang boleh memainkan peranan untuk memastikan Singapura sentiasa selamat dan harmoni. Jangan sebarkan maklumat palsu.

### Atur cara

9.30 pagi: Pendaftaran

10 pagi: Ucapan daripada tetamu terhormat, Encik Masagos

10.15 pagi: Persembahan drama 'Oh Tidak!' oleh Ekamatra

10.45 pagi: Aktiviti-aktiviti menarik untuk para peserta

11.30 pagi: Penyampaian hadiah dan sijil penyertaan

12 tengah hari: Selesai

Mari belajar daripada drama 'Oh Tidak!'

- Adakah maklumat itu benar atau palsu?
- Apakah kesan menyebarkan maklumat palsu di alam maya?



*Aktiviti Mewarna*  
untuk kanak-kanak berusia  
5 hingga 11 tahun



*Kuiz & Teka-teki* untuk remaja-remaja berusia 12 hingga 16 tahun. Soalan-soalan berdasarkan persembahan drama.

- 13 Tujuan utama acara di halaman 6 ialah \_\_\_\_\_.
- (A) mengadakan aktiviti khas untuk remaja  
(B) mengajar para peserta tentang pertahanan digital  
(C) mempersembahkan drama 'Oh Tidak!' oleh Ekamatra  
(D) menggalakkan orang ramai menyambut Hari Pertahanan Mutlak ( )
- 14 Singapura akan menjadi tidak selamat dan huru-hara jika orang ramai \_\_\_\_\_.  
(A) berkomunikasi di alam maya  
(B) mempercayai maklumat palsu  
(C) tidak menyebarluaskan maklumat palsu  
(D) tahu sama ada suatu maklumat itu benar atau palsu ( )
- 15 Kuiz dan Teka-teki \_\_\_\_\_.  
(A) adalah untuk semua peserta  
(B) akan diadakan sebelum persembahan drama  
(C) mengandungi soalan-soalan berdasarkan ucapan Encik Masagos  
(D) akan berlangsung pada waktu yang sama dengan aktiviti mewarna ( )

### BAHAGIAN C (10 markah)

**Arahan:** Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti dan jawab soalan berikutnya.

Izat bangun pagi seperti biasa untuk menyiapkan sarapan buat adik-beradiknya. Dahulu, hidupnya **mewah** dan semua kerja rumah diuruskan oleh pembantu rumahnya. Namun, sejak ayahnya diberhentikan kerja, hidup keluarganya berubah. Tidak ada lagi pembantu di rumahnya. Gaya hidup Izat dan keluarganya terpaksa diubah. Walaupun akhirnya, bapa Izat mendapat pekerjaan baharu, gajinya jauh lebih rendah.

"Ibu, jangan khuatir. Saya boleh menjaga adik-adik apabila ibu keluar bekerja syif malam," kata Izat kepada ibunya Puan Aida.

"Terima kasih, Abang. Abang memang seorang anak yang bertanggungjawab. Ibu rasa sangat bersyukur," luah Puan Aida.

Pada mulanya, Izat tidak dapat membiasakan dirinya dengan melakukan pelbagai kerja rumah sendiri. Dia rasa tertekan terutama apabila harus membahagikan masa dengan kerja sekolah dan sesi ulang kajinya. Mujur, rakan-rakan sekelas Izat amat memahami situasi Izat dan mereka sentiasa memberi Izat semangat dan kata-kata positif. Izat juga telah mendapatkan pertolongan guru-guru di sekolahnya apabila prestasinya mula merosot.

Berkat kegigihan dan sifat tidak mudah putus asa Izat, dia telah dianugerahkan sebagai seorang pelajar contoh yang telah berjaya mengharungi masa-masa sukar. Ibu bapanya amat bangga dengan pencapaian Izat. Izat berharap dia akan terus menjadi inspirasi kepada adik-adiknya yang masih kecil dan terus menjadi seorang yang akan terus berbakti kepada masyarakat.

- 16 Mengapakah hidup Izat sekeluarga berubah? (2 markah)

---

---

- 17 Nyatakan **dua** bukti yang menunjukkan bahawa Izat seorang yang bertanggungjawab. (4 markah)

---

---

---

---

- 18 Apakah yang membuat Izat tidak cepat putus asa? (2 markah)

---

---

---

- 19 (i) Berikan maksud perkataan 'mewah' berdasarkan penggunaannya dalam teks. (1 markah)

---

- (ii) Berikan perkataan dalam perenggan 4 yang bermaksud '**semakin kurang baik**'. (1 markah)

---

**SELESAI**